



PERSEMBAHAN menarik peserta dari UMP.



NAIB johan sayembara, kumpulan dari USIM.

# UUM muncul johan

Oleh Nurul Farina Nazlan  
nfarina@bharian.com.my

UNIVERSITI Utara Malaysia (UUM) menerusi lagu dan puisi ciptaan Nazirul Mu'izz Azmi, *Takut*, muncul juara pada Pertandingan Sayembara Lagu Puisi Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) 2011, di Dewan Astaka, Universiti Malaysia Pahang (UMP), Gambang, baru-baru ini.

Nazirul Mu'izz Azmi selaku penyanyi utama Kumpulan UUM berkata, kemenangan kumpulannya membuktikan lagu puisi yang mereka persembahkan bukan saja menambat minat juri pertandingan, tetapi juga generasi muda yang menyaksikan sayembara terbabit.

Pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Inggeris untuk Kanak-Kanak itu berkata, kelainan kumpulannya yang mengetengahkan ketakutan pesalah laku jenayah buang bayi menjadi sebab utama

kemenangan mereka.

"Ilham mencipta puisi itu adalah idea selepas mendapat maklumat dari akhbar dan laman sesawang. Saya juga mendapatkan mood untuk menyampaikan lagu puisi itu dengan mendengar nyanyian Ramli Sarip.

"Tanpa kerjasama padu dan iltizam daripada semua anggota kami tidak akan dapat membuat persembahan terbaik. Kami berasa bertuah kerana sayembara ini membuka ruang kepada kami untuk mengetengahkan bakat terpendam," katanya kepada *Sastera* pada majlis yang turut dihadiri lebih 500 pelajar sekolah menengah sekitar Kuantan.

Kumpulan UUM itu turut dianggotai Muhammad Hafeez Zakaria, Mohd Shairi Baharuddin dan Meor Muhammad Afif Aiman Abu Bakar, membawa pulang wang tunai RM3,000, trofi dan sijil penghargaan.

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) muncul naib johan menerusi lagu puisi *Seperti Inikah Dunia* dan Universiti Malaya (*Suratan Laraku*) tempat ketiga dengan masing-masing membawa pulang wang tunai RM2,000 dan RM1,000, trofi dan sijil penghargaan.

Sebanyak 13 IPTA bertanding pada pertandingan yang julung kali dianjurkan UMP, Kementerian Pengajian Tinggi, Persatuan Wanita UMP (MATAHARI), Pejabat Timbalan Naib Canselor UMP dan Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (MAKUM).

Ketua Juri, Prof Madya Dr Lim Swee Tin, berkata kesemua yang bertanding memberi persembahan yang bagus, bahkan ada lagu puisi yang dipertandingkan sesuai untuk diketengahkan dan boleh agar lebih segar untuk rakan-rakan.

Pensyarah Fakulti Bahas-

sa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM) itu berkata, semua peserta memahami hasrat pengajur yang mahu melihat adanya komitmen sosial dalam memperbetulkan gejala sosial masyarakat khususnya pembuangan bayi yang semakin menular.

"Penghayatan kepada lagu puisi yang disampaikan menunjukkan bahawa generasi muda ada kehirianan tinggi dalam menangani isu ini. Beberapa kumpulan juga dilihat membuat persiapan rapi dengan vokal yang baik dan melodi bersesuaian dengan bait puisi.

"Melalui pertandingan ini juga, mahasiswa dapat didekah dengan puisi secara langsung, apakah lagi dalam suasana perkembangan lagu puisi yang kurang membangangkan akhir-akhir ini," katanya yang turut dibantu Indra Abu Bakar, Rabiul Awal Anuar, Marsli NO dan Mohd



JOHAN Pertandingan Pertandingan Sayembara Lagu Puisi IPTA 2011 dari UUM.


Akram Abdul Razak.

Hadiyah kepada pemenang disampaikan isteri Perdana Menteri Datin Paduka Seri Rosmah Mansor pada Pelancaran Kempen Kami Prihatin - Apakah Dosaku yang turut dihadiri Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Ja-

lil; Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Saifuddin Abdullah dan Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, pertandingan itu adalah salah satu kaedah yang disampaikan oleh golongan mahasiswa untuk memperlihatkan siap ambil peduli mereka terhadap gejala pembuangan

bayi yang semakin meningkat.

"Penyebaran mesej secara langsung berkenaan masalah pembuangan bayi dan kesannya kepada negara serta masyarakat dapat dilihat melalui bait puisi yang dilakukan, selain bentuk persembahan yang pelbagai lagi kreatif, memudahkan ia dihayati.



PROF DAING NASIR meneliti beberapa buku tajaan ITNM sambil diperhatikan Marsli NO (kanan).